

SPESIFIKASI SEBUTHARGA

“MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 5 EKOR KAMBING TENUSU F1 PEJANTAN BAKA SAANEN DAN 4 EKOR RUSA PEJANTAN BAKA TIMORENSIS UNTUK TUJUAN PEMBIAKAN KEPADA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PULAU PINANG”

A. Spesifikasi Teknikal**1. Bilangan yang diperlukan:**

- a) Kambing tenusu F1 pejantan baka Saanen: **5 ekor**
- b) Rusa pejantan baka Timorensis: **4 ekor**

2. Umur:

- a) Kambing pejantan: **12 – 18 bulan atau mempunyai sekurang-kurangnya sepasang gigi kekal.**
- b) Rusa pejantan: **12 – 18 bulan atau mempunyai sekurang-kurangnya sepasang gigi kekal.**

3. Berat: (Semasa penerimaan di ladang penerima di negeri Pulau Pinang)

- a) Kambing pejantan: berat minimum ialah **45 – 60 kg.**
- b) Rusa pejantan: berat minimum ialah **80 – 100 kg.**

Kambing dan rusa yang didapati kurang daripada berat badan minimum yang dikehendaki akan ditolak **tanpa kompromi** dan pembekal perlulah menanggung kos-kos penolakan yang berkaitan.

4. Punca bekalan

- a) Kambing pejantan: **Import**
- b) Rusa pejantan: **Import**

5. Gambaran am

- a) Kambing pejantan:
- i) Tidak cacat anggota dan penglihatan.
 - ii) Badan berwarna putih.
 - iii) Mempunyai testis yang bersaiz sama dan seimbang di dalam skrotum.
 - iv) Mempunyai anatomi organ pembiakan (*penis* dan *prepuce*) yang sempurna dan tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda keradangan, pembengkakan dan ketumbuhan serta tidak tergantung sehingga ke tanah atau pangkal kaki.
 - v) Pergerakan yang aktif dan mempunyai kaki yang tegak serta ciri-ciri "*phenotypic appearance*" yang baik.
 - vi) Ukurlilit testis minimum: 20 – 25 cm
- b) Rusa pejantan:
- i) Tidak cacat anggota dan penglihatan.
 - ii) Badan berwarna perang kemerahan dengan tompok/jalur berwarna putih.
 - iii) Mempunyai testis yang bersaiz sama dan seimbang di dalam skrotum.
 - iv) Mempunyai anatomi organ pembiakan (*penis* dan *prepuce*) yang sempurna dan tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda keradangan, pembengkakan dan ketumbuhan serta tidak tergantung sehingga ke tanah atau pangkal kaki.
 - v) Pergerakan yang aktif dan mempunyai kaki yang tegak serta ciri-ciri "*phenotypic appearance*" yang baik.

6. Protokol pembekalan:

- a) Penyebutharga perlu mematuhi protokol import pembekalan ternakan dari luar negeri Pulau Pinang seperti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (sila rujuk kepada www.dvs.gov.my).

7. Prosedur pemeriksaan dan pemilihan ternakan:

- a) Pemeriksaan ternakan akan dijalankan di negara (import) sumber ternakan didapati. Pemeriksaan ini melibatkan **pemeriksaan rekod ternakan, dokumentasi, pengenalpastian sumber perolehan ternakan, pemeriksaan dan pemilihan ternakan.**
- b) Tarikh pemeriksaan ternakan mesti dimaklumkan secara bertulis sama ada melalui faks, email atau surat serahan tangan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang tidak lewat dari **dua (2) minggu sebelum tarikh pemeriksaan dan pemilihan ternakan dibuat.**

DI NEGARA SUMBER:

- c) Pembekal perlu mengumpulkan ternakan mengikut spesifikasi yang diberikan serta menyediakan kemudahan yang sesuai untuk tujuan pemeriksaan dan pemilihan di satu pusat pengumpulan sahaja.
- d) Penyebutharga perlu menyediakan pengangkutan dan peralatan yang berkaitan bagi tujuan pemilihan seperti tag RFID dan aplikatonya (mengikut spesifikasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia) serta alat penimbangan digital atau tali ukur lilitan badan ternakan.

- e) Setiap ternakan yang hendak dibekalkan akan dipilih dan diperiksa oleh dua (2) orang Pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Ternakan yang tidak memenuhi spesifikasi akan ditolak daripada kumpulan ternakan yang dibekalkan. Pemeriksa yang dilantik perlu memeriksa kesemua ternakan yang perlu dibekalkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang.

- f) Adalah menjadi tanggungjawab penyebutharga untuk memastikan kandang pengumpulan ternakan adalah bebas dari penyakit-penyakit sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia untuk tujuan pembiakan atau sekiranya berlaku selepas perayaan hendaklah kandang pengumpulan tersebut dinyahkuman dan dibuktikan dengan rekod bertulis sehingga Pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang berpuas hati dengan penyahkumanan yang telah dilaksanakan. Sekiranya **HANYA** seekor ternakan didapati menunjukkan positif kepada ujian penyakit *Brucellosis*, *Tuberculosis* dan *Leptospirosis*, **SELURUH** ternakan dalam kandang pengumpulan akan **DITOLAK**.

- g) Jabatan tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas ternakan yang tidak dipilih semasa pemilihan dan pemeriksaan ternakan dibuat.

8. Pengenalan ternakan

- a) Ternakan yang diperiksa dan telah dipilih mesti dipasangkan tag RFID yang telah ditentukan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.

- b) Kecederaan akibat kerja-kerja pemasangan RFID perlu dirawat terlebih dahulu dan perlu dipastikan sembuh sepenuhnya sebelum ternakan diserahkan/dihantar kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang.

- c) Keseluruhan kos kelengkapan dan kerja-kerja untuk memasang tanda pengenalan adalah ditanggung oleh pihak pembekal.
- d) Semua maklumat dan keterangan penuh pengenalan ternakan ini mestilah disediakan oleh pihak pembekal.

9. Penghantaran ternakan:

9.1 Pengangkutan

- a) Penyebutharga perlu menyediakan pengangkutan yang sesuai dan selamat bagi menjamin kesejahteraan ternakan semasa pengangkutan dari negara sumber ke ladang penerima.
- b) Pengangkutan telah dinyahkuman/disinfeksi.

9.2 Penghantaran Ternakan

- a) Ternakan perlulah dihantar ke ladang yang dinyatakan di dalam Jadual Pembekalan.
- b) Pembekal adalah dikehendaki menghubungi pegawai yang dilantik di negeri penerima bagi tujuan penghantaran dan juga mengesahkan penerimaan ternakan.
- c) Pembekalan ternakan perlu disempurnakan selewat-lewatnya **3 bulan dari Pesanan Rasmi Kerajaan dikeluarkan.**

10. Penggantian ternakan

- a) Pembekal adalah bertanggungjawab untuk menggantikan ternakan yang dibekalkan sekiranya didapati mati dalam tempoh dua (2) minggu selepas tiba di destinasi terakhir.

- b) Kos penggantian ternakan adalah ditanggung sepenuhnya oleh pembekal. Walaubagaimanapun pembekal boleh memilih untuk membayar ganti rugi di dalam bentuk wang tunai kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang sebanyak **110% daripada harga sebutharga**. Penggantian ini perlu disempurnakan dalam tempoh 90 hari dari tarikh tuntutan dikemukakan.

11. Kos Permit Import Dan Eksport, Sijil Kesihatan Dan Lain-lain Sijil

- 11.1 Pembekal adalah bertanggungjawab membiayai segala kos Permit Import/Eksport, Sijil Kesihatan negara pengeksport, Insurans dan bayaran lain yang berkaitan iaitu Permit Pemindahan Keluar dan Permit Pemindahan Masuk ke negeri-negeri terlibat.
- 11.2 Semua kos keperluan pelalian, rawatan dan ujian seperti ditetapkan dalam protokol import hendaklah ditanggung oleh pembekal.

12. Insuran ternakan:

Pembekal yang berjaya digalakkan mengambil **Insuran Polisi bernilai 110%** dari nilai asal sebutharga **di atas nama Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang**, untuk melindungi ternakan ini semasa penghantaran dan risiko yang mungkin dihadapi termasuk mati semasa penghantaran dan sehingga **14 hari** selepas tarikh penerimaan.

13. Keperluan kesihatan:

Pembekal perlu mematuhi keperluan kesihatan ternakan seperti yang dinyatakan di dalam **protokol pengimportan ternakan atau Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia untuk tujuan pembiakan** serta disokong dengan dokumen pengesahan oleh Pihak Berkuasa Veterinar di negara sumber. Segala kos ujian adalah ditanggung oleh pembekal.

14. Pembayaran:

Pembayaran akan dibuat dalam masa **14 hari** dari tarikh serahan dokumen yang lengkap. Dokumen lengkap mengandungi perkara-perkara berikut:-

- a) Bil atau Inbois atau Nota Tuntutan.
- b) Nota hantaran asal yang lengkap ditandatangani oleh pegawai penerima dan mempunyai tanda cop rasmi yang tertera nama pegawai penerima.
- c) Nota Akuan Terima oleh penerima di lapangan dan turut mempunyai butiran seperti dinyatakan di para 14 (b).
- d) Salinan bon.
- e) Salinan kontrak perjanjian.
- f) Sijil Kesihatan Veterinar yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Veterinar tempat sumber ternakan diperolehi.
- g) Pesanan kerajaan.

Pembekal adalah dikehendaki menghantar dokumen berkenaan di dalam bentuk jilid atau folder yang kemas dan berlabel.

B. Spesifikasi Kewangan**1. Penghantaran dan tarikh tutup sebutbarga:**

Semua sebutbarga hendaklah dihantar dalam format-format yang telah ditentukan kepada:-

**Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam
Pulau Pinang**

Di dalam sampul yang bermeteri (*sealed*) dan ditandakan:

**“MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 5 EKOR KAMBING TENUSU F1 PEJANTAN BAKA SAANEN DAN 4 EKOR RUSA PEJANTAN BAKA TIMORENSIS UNTUK TUJUAN PEMBIAKAN KEPADA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PULAU PINANG”
dan No. Sebutharga : JPVPP03/07-04/2016**

Tarikh tutup sebutharga ialah pada **12.00 tengahari, 23 Jun 2016**.

Sebaik sahaja penyebutharga menerima surat perlantikan atau *'letter of award'*, telah boleh memulakan kerja-kerja untuk menyempurnakan tanggungjawab yang diberikan. Namun demikian, pada masa yang sama, penyebutharga berjaya adalah **WAJIB** untuk menghantar dokumen-dokumen yang dinyatakan seperti berikut sebelum pesanan tempatan boleh dikeluarkan:-

- 1) Surat setuju terima yang telah dilengkapkan.
- 2) Dokumen ikatan perjanjian atau kontrak yang telah dilengkapkan.
- 3) Deposit Sekuriti atau *Bank Guarantee*
 - a. Jumlah jaminan bank yang perlu disediakan bernilai 2.5 % dari jumlah harga asal sebutharga untuk sebutharga yang kurang dari RM 500,000.00.
 - b. Sekiranya nilai sebutharga melebihi RM 500,000.00, nilai jaminan bank yang perlu disediakan dan diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar ialah 5% daripada nilai sebutharga.

Kesemua dokumen ini hendaklah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang di dalam tempoh tidak melebihi tempoh dua (2) minggu daripada tarikh surat setuju terima dikeluarkan.

KERAJAAN TIDAK SEMESTINYA MENERIMA HARGA SEBUTHARGA YANG PALING RENDAH. KERAJAAN BERHAK MEMILIH MANA-MANA SEBUTHARGA YANG BERSESUAIAN DAN LAYAK SAHAJA.